

**PERANAN INSTITUSI PENDIDIKAN TINGGI  
BERTERASKAN ISLAM TERHADAP  
PEMBANGUNAN WILAYAH-BANDAR  
DI MALAYSIA**

**NUR RAFIDAH ASYIKIN BINTI IDRIS**

**UNIVERSITI SAINS MALAYSIA**

**2020**

**PERANAN INSTITUSI PENDIDIKAN TINGGI  
BERTERASKAN ISLAM TERHADAP  
PEMBANGUNAN WILAYAH-BANDAR  
DI MALAYSIA**

**oleh**

**NUR RAFIDAH ASYIKIN BINTI IDRIS**

**Tesis yang diserahkan untuk  
memenuhi keperluan bagi  
Ijazah Doktor Falsafah**

**November 2020**

## PENGHARGAAN

Syukur Alhamdulillah ke hadrat Allah s.w.t kerana dengan limpah dan kurnia-Nya, maka penulisan tesis ini dapat disempurnakan dalam tempoh masa yang telah ditetapkan. Di sini penulis ingin merakamkan penghargaan dan terima kasih yang tidak terhingga kepada penyelia utama saya Profesor Dr. Suriati Ghazali di atas sokongan dan bimbingan daripada beliau untuk memastikan kajian ini menjadi kenyataan. Jutaan terima kasih diberikan kepada Ketua Projek dan Penyelia Bersama iaitu YBhg. Profesor Dato' Dr. Morshidi Sirat yang menyumbangkan idea utama bagi kajian ini, bimbingan dan tegas terhadap penulis supaya dapat menghasilkan kajian yang berkualiti.

Ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada Projek Universiti Penyelidikan (RU), Universiti Sains Malaysia (USM) iaitu *East-West Islamic Tradition and The Development of Hybrid Universities in Malaysia* yang menyumbangkan data, ilmu dan sumber kewangan dalam memastikan tesis ini dihasilkan dengan jayanya. Projek ini di bawah seliaan Institut Penyelidikan Pendidikan Tinggi Negara (IPPTN) melalui akaun geran 1001/CIPPTN/816264 yang sebelum ini berada di bawah seliaan Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan melalui akaun geran 1001/PHUMANITI/816264. Jutaan terima kasih diberikan kepada semua responden yang terlibat sepanjang kajian lapangan diadakan di keempat-empat Institusi Pendidikan Tinggi Berteraskan Islam (IPTI) yang terpilih kerana sudi meluangkan masa dan idea dalam memastikan penulis memperoleh maklumat yang tepat untuk menghasilkan sebuah tesis yang sempurna.

Penghargaan khas buat kedua ibu bapa yang disayangi, Idris Saidullah dan Hasnah Abdullah kerana tidak pernah jemu memberikan sokongan ketika saat suka dan duka sepanjang menyelesaikan tesis ini. Jutaan penghargaan kepada ahli keluarga penulis terutamanya suami tercinta Muhamad Azrain Shukor dan anak-anak tersayang, Muhammad Adam Muhaimin, Nur Izz Zara Aisyah, Nur Izz Zara Alisha dan Nuh Al Hakim di atas pengorbanan dan kesabaran dalam memberikan sokongan untuk penulis terus menuntut ilmu. Ucapan terima kasih diucapkan kepada ibu bapa mertua, saudara-mara, adik-beradik dan sahabat di dunia dan akhirat yang mendoakan kejayaan penulis dalam menyelesaikan kajian ini.

Penulis juga ingin mengucapkan terima kasih kepada Institut Penyelidikan Pendidikan Tinggi Negara (IPPTN), Institusi Pendidikan Tinggi Berteraskan Islam, MyBrain15 (MyPhD), Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Jabatan Perancangan Bandar dan Desa (JPBD) dan pihak lain yang terlibat sama ada secara langsung atau tidak langsung dalam menjayakan kajian ini dari awal hingga akhirnya.

Nur Rafidah Asyikin Binti Idris  
Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan  
Universiti Sains Malaysia  
Pulau Pinang  
November 2020

## SENARAI KANDUNGAN

<b>PENGHARGAAN .....</b>	<b>ii</b>
<b>SENARAI KANDUNGAN .....</b>	<b>iv</b>
<b>SENARAI JADUAL .....</b>	<b>ix</b>
<b>SENARAI RAJAH .....</b>	<b>x</b>
<b>SENARAI FOTO .....</b>	<b>xi</b>
<b>SENARAI SINGKATAN .....</b>	<b>xii</b>
<b>ABSTRAK .....</b>	<b>xiii</b>
<b>ABSTRACT .....</b>	<b>xv</b>
<b>BAB 1 PENGENALAN .....</b>	<b>1</b>
1.1 Pengenalan .....	1
1.2 Latar belakang dan konteks kajian.....	6
1.3 Isu dan persoalan kajian .....	8
1.4 Objektif kajian .....	16
1.5 Signikan kajian .....	17
1.6 Skop dan batasan kajian .....	18
1.7 Kaedah kajian dan analisis data .....	20
1.8 Organisasi kajian.....	21
1.9 Kesimpulan .....	23
<b>BAB 2 PEMBANGUNAN WILAYAH-BANDAR DAN PERANAN INSTITUSI PENDIDIKAN TINGGI (IPT): SOROTAN KARYA KE ARAH SUATU KERANGKA KONSEPTUAL .....</b>	<b>25</b>
2.1 Pengenalan .....	25
2.2 Definisi dan konsep.....	26
2.2.1 Pembangunan wilayah-bandar .....	26
2.2.2 Institusi Pendidikan Tinggi berteraskan Islam (IPTI).....	31
2.3 Peranan IPT terhadap pembangunan wilayah-bandar seimbang .....	32

2.3.1	Perspektif Naratif Peranan Universiti .....	33
2.3.1(a)	<i>Sober</i> .....	34
2.3.1(b)	Kreatif .....	36
2.3.1(c)	<i>Purist</i> .....	37
2.3.1(d)	Sosial .....	39
2.3.2	Model <i>Quadruple Helix</i> .....	41
2.3.3	Model kelestarian hubungan Institusi Pendidikan Tinggi (IPT) dan pembangunan wilayah-bandar .....	44
2.4	Kerangka Konseptual Kajian .....	47
2.5	Institusi Pendidikan Tinggi (IPT) berteraskan Agama .....	49
2.5.1	Institusi Pendidikan Tinggi berteraskan Agama Islam (IPTI) .....	51
2.5.2	Institusi Pendidikan Tinggi berteraskan Agama Kristian .....	59
2.5.3	Institusi Pendidikan Tinggi berteraskan Agama Buddha.....	62
2.6	Kesimpulan .....	69
<b>BAB 3 REKA BENTUK, KADEAH DAN KAWASAN KAJIAN .....</b>		<b>71</b>
3.1	Pengenalan .....	71
3.2	Reka bentuk kajian.....	71
3.3	Pemilihan responden kajian .....	73
3.4	Pemilihan kawasan kajian .....	76
3.4.1	Sistem Hierarki Bandar Semenanjung Malaysia 2006-2020 .....	78
3.4.1(a)	Konurbasi Pertumbuhan Negara.....	79
3.4.1(b)	Pertumbuhan Separa Wilayah.....	81
3.4.2	Institusi Pendidikan Tinggi berteraskan Islam (IPTI) di Malaysia .....	82
3.4.2(a)	Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Nilai, Negeri Sembilan .....	84
3.4.2(b)	Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), Gombak, Kuala Lumpur .....	86

3.4.2(c) Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS), Kajang, Selangor .....	88
3.4.2(d) Kolej Universiti Islam Melaka (KUIM), Alor Gajah, Melaka.....	91
3.5 Penjanaan dan pengumpulan data kualitatif .....	94
3.5.1 Data primer .....	94
3.5.1(a) Temu bual separa berstruktur dan temu bual kumpulan berfokus (FGD) .....	94
3.5.1(b) Kaedah pemerhatian keadaan sekitaran IPTI .....	97
3.5.2 Data sekunder.....	98
3.6 Analisis data.....	99
3.6.1 Analisis kandungan untuk data kualitatif.....	99
3.7 Justifikasi kaedah kajian .....	100
3.8 Kajian Rintis .....	101
3.9 Kaedah kesahan dan kebolehpercayaan dalam kaedah kualitatif .....	102
3.10 Etika penyelidikan .....	103
3.11 Kesimpulan .....	105
<b>BAB 4 PERSEPSI PIHAK PENGURUSAN TERTINGGI DAN AHLI AKADEMIK TERHADAP PERANAN INSTITUSI PENDIDIKAN TINGGI BERTERASKAN ISLAM (IPTI) .....</b>	<b>106</b>
4.1 Pengenalan .....	106
4.2 Persepsi Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) terhadap Institusi Pendidikan Tinggi (IPT) di Malaysia.....	107
4.2.1 Perspektif huraiyan <i>Sober</i> dan <i>Kreatif</i> .....	108
4.2.1(a) Pembangunan modal insan IPTI untuk membangunkan ekonomi Negara .....	108
4.2.2 Perspektif huraiyan <i>Sosial</i> .....	113
4.2.3 Perspektif huraiyan <i>Purist</i> .....	115
4.4 Persepsi pihak pengurusan tertinggi terhadap peranan Institusi Pendidikan Tinggi Berteraskan Islam (IPTI) di Malaysia .....	117
4.4.1 Perspektif huraiyan <i>Sober</i> .....	118

4.4.1(a) Integrasi ilmu dalam kurikulum .....	118
4.4.2 Perspektif huraiān <i>Purist</i> .....	130
4.4.2(a) Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran (P&P) yang seimbang.....	130
4.4.3 Perspektif huraiān Kreatif .....	136
4.4.3(a) Penyelidikan dan Pembangunan (R&D) yang berteraskan Islam.....	136
4.4.4 Perspektif huraiān Sosial.....	144
4.4.4(a) Sumber kewangan alternatif yang berteraskan Islam .....	144
4.4.4 (b) Menekankan Kemahiran Insaniah (Softskills).....	155
4.4.4(c) Memupuk nilai-nilai murni melalui aktiviti khidmat masyarakat.....	164
4.5 Kesimpulan .....	172
<b>BAB 5 PERSEPSI PELAJAR PRASISWAZAH TERHADAP PERANAN INSTITUSI PENDIDIKAN TINGGI BERTERASKAN ISLAM (IPTI).....</b>	<b>173</b>
5.1 Pengenalan .....	173
5.2 Institusi Pendidikan Tinggi berteraskan Islam (IPTI) - Keunikan Falsafah, Pendekatan dan Amalan .....	174
5.3 Pembangunan modal insan yang holistik dan seimbang melalui kurikulum yang berintegrasi ilmu Aqli dan Naqli .....	175
5.4 Penyelidikan dan Pembangunan (R&D) dan nilai-nilai Islam.....	190
5.5 Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran (P&P) yang seimbang.....	197
5.6 Memupuk nilai-nilai murni dalam kalangan pelajar prasiswazah IPTI melalui aktiviti khidmat masyarakat.....	202
5.7 Kemahiran Insaniah dalam kalangan pelajar IPTI.....	218
5.8 Peranan masjid dan pembangunan sahsiah masyarakat di wilayah-bandar di Malaysia.....	224
5.9 Kesimpulan .....	232

<b>BAB 6 KERANGKA KONSEPTUAL UNTUK MENILAI PERANAN IPTI TERHADAP PEMBANGUNAN WILAYAH-BANDAR DI MALAYSIA .....</b>	<b>235</b>
6.1 Pengenalan .....	235
6.2 Rumusan dan interpretasi umum hasil kajian .....	235
6.3 Sumbangan kajian kepada penambahbaikan kerangka konseptual peranan IPTI dalam pembangunan wilayah-bandar.....	242
6.4 Kesimpulan .....	245
<b>BAB 7 RUMUSAN, CADANGAN DAN KESIMPULAN.....</b>	<b>247</b>
7.1 Pengenalan .....	247
7.2 Rumusan kepentingan penemuan kajian.....	247
7.3 Cadangan dasar dan mengangkat nilai <i>Spiritual</i> sebagai aspek penting dalam pendidikan tinggi.....	250
7.4 Cadangan kajian lanjutan .....	251
7.5 Kebaharuan penyelidik dalam konteks kajian .....	252
7.6 Kesimpulan .....	253
<b>BIBLIOGRAFI .....</b>	<b>254</b>

## LAMPIRAN

## SENARAI JADUAL

	<b>Halaman</b>
Jadual 1.1	Senarai IPT berteraskan Islam (IPTI) mengikut hierarki bandar .....
	19
Jadual 1.2	Pendekatan dan kaedah kajian.....
	21
Jadual 3.1	Responden di IPTI yang terlibat dengan temu bual separa berstruktur .....
	74
Jadual 3.2	Senarai responden di KPT yang terlibat dengan temu bual separa berstruktur.....
	75
Jadual 3.3	Jumlah responden yang menyertai temu bual kumpulan berfokus (FGD) mengikut Fakulti/Kulliyyah dan IPTI.....
	76
Jadual 3.4	Senarai responden mengikut kod di IPTI terpilih.....
	104
Jadual 3.5	Senarai responden di KPT yang terlibat dengan sesi temu bual separa berstruktur.....
	105
Jadual 4.1	Senarai IPTI dan program pengajian yang ditawarkan .....
	110
Jadual 4.2	Institusi pendidikan tinggi awam (IPTA) mengikut negeri .....
	112
Jadual 4.3	Program pengajian yang berintegrasikan ilmu Islam dan ilmu moden.....
	127
Jadual 4.4	Program elektif ini ditawarkan kepada pelajar Muslim dan bukan Muslim di Fakulti Sains Sosial, KUIM.....
	129
Jadual 4.5	Kluster dan sub-kluster yang perlu dipatuhi oleh penyelidik untuk melaksanakan R&D.....
	142
Jadual 4.6	Penyelidikan geran dalaman KUIM sepanjang tahun 2015-2017.....
	143
Jadual 4.7	Sumber kewangan alternatif untuk memastikan kelestarian KUIS.....
	153
Jadual 4.8	Etika pakaian pelajar yang dilarang oleh KUIM mengikut gender semasa di dalam kampus .....
	162
Jadual 5.1	Halatuju setiap fakulti USIM yang perlu dilaksanakan berteraskan ilmu Aqli dan Naqli.....
	176

## SENARAI RAJAH

### Halaman

Rajah 2.1	Model <i>quadruple helix</i> menggambarkan hubungan di antara IPT, kerajaan, industri dan masyarakat sivil.....	42
Rajah 2.2	Model kelestarian hubungan institusi pendidikan tinggi (IPT) dan pembangunan wilayah-bandar .....	46
Rajah 2.3	Kerangka konseptual kajian.....	48
Rajah 3.1	Wilayah-bandar Kuala Lumpur dan konurbasinya (Morshidi Sirat et al., 2008).....	79
Rajah 3.2	Perletakan IPTI dan wilayah-bandar di Semenanjung Malaysia.....	83
Rajah 4.1	USIM mengadaptasikan MOOCs dalam kaedah P&P .....	131
Rajah 4.2	Program GISo yang membawa penyebaran ilmu Naqli dan ilmu Aqli ke seluruh dunia.....	166
Rajah 5.1	Objektif Fakulti Pergigian USIM untuk melahirkan modal insan yang holistik dan seimbang .....	177
Rajah 5.2	“Hurma” adalah pakaian bagi pesakit wanita di hospital yang patuh syariah .....	192
Rajah 5.3	Rumah patuh syariah untuk mangsa banjir di Kelantan.....	194
Rajah 6.1	Kerangka konseptual penilaian peranan IPTI terhadap pembangunan wilayah-bandar di Malaysia yang diterapkan dengan nilai <i>Spiritual</i> .....	244

## **SENARAI FOTO**

	<b>Halaman</b>
Foto 3.1	Bangunan Canselori USIM dan air terjun enam tingkat..... 85
Foto 3.2	Arca اقراء yang membawa maksud ‘Bacalah’ ..... 85
Foto 3.3	Pemandangan di sekitar UIAM, Gombak..... 87
Foto 3.4	Tema KUIS dalam melahirkan golongan profesional Islam ..... 89
Foto 3.5	Senibina bangunan di KUIS yang bercirikan Tamadun Islam Andalusia ..... 90
Foto 3.6	Bangunan Canselori KUIM yang bercirikan seni bina Islam ..... 92
Foto 4.1	Klinik Pakar Kesihatan USIM yang berada di bandar Nilai, Negeri Sembilan ..... 146
Foto 4.2	USIM mengiklankan perkhidmatan Klinik Pakar Kesihatan dan Pergigian di bandar Nilai, Negeri Sembilan ..... 147

## **SENARAI SINGKATAN**

IPT	Institut Pendidikan Tinggi
IPTA	Institut Pendidikan Tinggi Awam
IPTI	Institut Pendidikan Tinggi Berteraskan Islam
IPTS	Institut Pendidikan Tinggi Swasta
JPBD	Jabatan Perancangan Bandar dan Desa
JPT	Jabatan Pendidikan Tinggi
KPT	Kementerian Pendidikan Tinggi
MEB (HE)	<i>Malaysian Education Blueprint 2015-2025 (Higher Education)</i>
MPTN	Majlis Pendidikan Tinggi Negara
P&P	Pengajaran dan Pembelajaran
PPPM-PT	Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 (Pendidikan Tinggi)
PSPTN	Pelan Strategik Pendidikan Tinggi Negara
R&D	Penyelidikan dan Pembangunan

**PERANAN INSTITUSI PENDIDIKAN TINGGI BERTERASKAN ISLAM  
TERHADAP PEMBANGUNAN WILAYAH-BANDAR DI MALAYSIA**

**ABSTRAK**

Kajian ini adalah kajian penerokaan antara muka bidang Geografi dengan Pendidikan Tinggi. Banyak yang telah diperkatakan tentang dasar dan amalan pendidikan tinggi, khususnya pendidikan tinggi merupakan pemangkin kepada pembangunan negara. Berdasarkan dasar dan amalan yang telah terbukti, Malaysia telah melancarkan Pelan Strategik Pengajian Tinggi, 2020 (PSPTN) pada tahun 2007 dan selepas itu Pelan Pembangunan Pendidikan Tinggi Malaysia 2015-2025 (PPPM-PT) untuk memperkasakan pendidikan tinggi dalam menangani cabaran masa hadapan. PPPM-PT telah memperkenalkan sepuluh lonjakan untuk melahirkan graduan yang holistik dan seimbang dengan minda keusahawanan, dan mampu menjana peluang pekerjaan. Persoalannya apakah sumbangan IPT yang pernah ditonjolkan betul untuk semua jenis IPT? Bagaimana sumbangan IPT di skala geografi seperti wilayah-bandar khususnya jika dinilai dari sudut sumbangan berfokuskan Bandar dan Komuniti yang Mampan (SDG-11) dan Kualiti Pendidikan (SDG-4)? Justeru itu, matlamat kajian ini adalah untuk merumuskan peranan Institusi Pendidikan Tinggi berteraskan Islam (IPTI) dalam pembangunan wilayah-bandar selaras dengan *Sustainable Development Goals (SDGs)*. Tetapi apakah pendekatan dan kaedah yang sesuai untuk menilai sumbangan IPTI di peringkat wilayah-bandar? Untuk ini suatu kerangka konseptual untuk menilai sumbangan IPTI perlu dibina. Bagi mencapai matlamat tersebut, kajian ini menggariskan tiga objektif iaitu (1) mendokumentasi pandangan tentang peranan IPTI di Malaysia, (2) mengkaji persepsi

pihak pengurusan tertinggi, ahli akademik dan pelajar tentang peranan dan pengaruh IPTI dalam pembangunan wilayah-bandar, dan (3) mengutarakan satu kerangka konseptual untuk mengkaji peranan IPTI dalam pembangunan wilayah-bandar di Malaysia berdasarkan pendekatan hibrid. Kajian ini mengadaptasikan perspektif huraian *Sober*, Kreatif, *Purist*, dan Sosial untuk menjelaskan peranan IPTI dalam pembangunan wilayah-bandar berdasarkan tema-tema terpilih. Empat buah IPTI di Malaysia telah dipilih sebagai kajian kes, iaitu USIM, UIAM, KUIS dan KUIM. Kajian ini menggunakan dan mengadaptasi metodologi penyelidikan kualitatif penerokaan dan interpretasi. Temubual separa berstruktur melibatkan 11 orang responden di KPT dan 32 responden daripada pengurusan tertinggi, pengurusan pertengahan, ahli akademik dan individu yang terpilih di IPTI. Temu bual kumpulan berfokus (FGD) telah dijalankan ke atas 266 orang pelajar prasiswazah. Manakala, pemerhatian kawasan sekitaran di IPTI melengkapkan maklumat yang dikumpul. Data dan maklumat dianalisis menggunakan kaedah analisis dokumen, dan deskripsi naratif dan interpretasi. Kajian ini merumuskan bahawa keempat-empat IPTI tersebut menggunakan pendekatan hibrid (Ilmu Islam dan konvensional) untuk melahirkan graduan yang seimbang dan holistik. Justeru, pendekatan kajian yang bersifat hibrid amat sesuai untuk meneroka peranan IPTI dalam pembangunan wilayah-bandar. Kajian ini juga menjelaskan kesesuaian perspektif Sosial untuk menggambarkan persepsi para pelajar tentang peranan IPTI dalam komuniti mereka. Hal ini kerana para pelajar tidak mempunyai pandangan yang menyeluruh tentang institusi mereka. Oleh itu, kajian ini telah menyumbang kepada penambahbaikan model konvensional kelestarian pembangunan wilayah-bandar dengan menambah elemen kerohanian. Pendekatan kajian ini boleh menjadi titik tolak kajian lain berkaitan peranan IPTI dalam pembangunan kawasan.

# **THE ROLES OF ISLAMIC BASED HIGHER EDUCATION INSTITUTIONS ON CITY-REGION DEVELOPMENT IN MALAYSIA**

## **ABSTRACT**

This exploratory research investigates the interface between geography and higher education. Much has been said regarding the policies and practices of higher education, which are the catalysts for national development. Based on proven policies and practices, Malaysia's Ministry of Higher Education (MOHE) has launched the National Higher Education Strategic Plan, 2020 (NHESP) in 2007, followed by the Malaysia Education Blueprint, 2015–2025 (Higher Education) or MEB (HE) to further enhance the country's higher education in facing challenges that lie in the immediate as well as distant future. MEB (HE) has introduced ten shifts aimed at producing holistic and wholesome graduates with entrepreneurial mindset and able to create job opportunities. The question is, what are the contributions of HEIs that are highlighted correctly for all type of HEIs? How the contributions of HEIs, on a geography scale such as city-region, be evaluated from the standpoint that focuses on Sustainable Cities and Communities (SDG-11) and Quality Education (SDG-4)? Therefore, this study aims to frame the role of Islamic Higher Education Institutions (IHEIs) in city-region development in line with the SDGs. However, what are the appropriate approach and method that can be used to evaluate the contributions of HEIs on a city-region? As such, a conceptual framework must be designed. To that end, this study has three objectives (1) documents the role of IHEIs in Malaysia, (2) investigates the perceptions of top management, academics and undergraduate students on the role and influence of

IHEIs in city-region development, and (3) proposes a conceptual framework to study the role of IHEIs in city-region development in Malaysia based on a hybrid approach. This study adapted the four perspectives - Sober, Creative, Purist, and Social - to explain the role of IHEIs in city-region development in relation to the selected themes. Four IHEIs in Malaysia are selected as case studies namely, USIM, UIAM, KUIS and KUIM. This study adopted and adapted the exploratory and interpretative qualitative research methodology. The semi-structured interviews involved 11 respondents from MOHE and 32 respondents top administrative, middle management, academics and individual from the selected IHEIs. Focus group discussions (FGDs) have been conducted with 266 undergraduate students. Also, observations of the surrounding area in the IHEIs have been conducted to complement the information gathered. Data and information were analysed using the document analysis method, narrative description and interpretation. This study concludes that the four IHEIs adopted a hybrid approach (Islamic and conventional) to produce balanced and holistic graduates. Hence, the hybrid approach adopted in this study is appropriate to explore the role of IHEIs in city-region development. This study also illustrates the appropriateness of the Social perspective to frame students' perceptions of the role of IHEIs in their communities. The main reason is the students do not have a comprehensive view of their institutions. As such, this study has contributed to the improvement of conventional city-region development sustainability model with the inclusion of a specific spiritual element. This study's approach could be the starting point for other studies on the role of IHEIs in spatial development.

## **BAB 1**

### **PENGENALAN**

#### **1.1 Pengenalan**

Dalam konteks global kini, ideologi serta sosio-budaya sesebuah negara menuntut agar proses globalisasi dan pengantarabangsaan tidak meminggirkan perkara-perkara yang mendasari pembangunan negara-bangsa. Dalam hal ini, dan merujuk kepada Malaysia, pelaksanaan Rancangan Malaysia (RMK) Pertama hingga Kesebelas bertujuan untuk memastikan kelestarian ekonomi, pendidikan, sosial dan politik seiring dengan tuntutan lokal dan tren di peringkat global (Unit Pembangunan Ekonomi, 2017). Aspek kelestarian khususnya, terkandung dalam pelaksanaan RMK Kesebelas (2016-2020) melalui pendekatan dan initiatif berkaitan Matlamat Pembangunan Lestari 2030 (Sustainable Development Goals 2030-SDGs).

Kelangsungan daripada 17 Matlamat Pembangunan Lestari 2030 ini, konteks kajian ini merangkumi matlamat Pendidikan Berkualiti (SDG-4) dan Bandar dan Komuniti Lestari (SDG-11). Ia membuka ruang baru dalam kajian dari perspektif dan pendekatan antara muka<sup>1</sup> pendidikan tinggi dengan geografi dalam konteks pembangunan komuniti. Dalam bidang Geografi Bandar, kajian yang berfokus kepada impak industri perkhidmatan dan pembuatan kepada pola pembangunan bandar adalah suatu yang lumrah, tetapi kurang sekali kajian yang berfokus kepada impak pendidikan tinggi, khususnya di negara membangun. Bertitik tolak kepada kefahaman bahawa Matlamat Pembangunan Lestari dirangka berdasarkan kepada kesejagatan nilai dan budaya serta agama maka, ia adalah selari dengan nilai dan

---

1 Antara muka (*interface*) dalam konteks kajian ini adalah ruang hubungkait pendidikan tinggi dengan geografi terhadap pembangunan wilayah-bandar.

perspektif pembangunan bandar dan komuniti menurut Islam (Khalid Rahman, 2016).

Di dalam konteks tesis ini dijelaskan maksud “pembangunan” sebagai satu proses pada dua peringkat, iaitu peringkat nasional dan lokal atau setempat. Sebagai permulaan, Portes (1976) pernah mendefinisikan pembangunan dalam tiga kriteria utama yang kompleks bagi memperbaiki aspek kehidupan masyarakat pada peringkat nasional dan lokal. Menurut Portes (1976) pembangunan merujuk kepada:

1. Transformasi ekonomi dari sudut peningkatan dalam ekonomi secara berterusan dan penguasaan dalam sektor industri yang membolehkan sesebuah negara mempunyai kuasa autonomi bagi pembangunan.
2. Transformasi sosial, ia itu pengagihan yang saksama dalam sosio-ekonomi seperti pendidikan, kesihatan, perumahan, sumber air bersih, kemudahan rekreasi dan politik.
3. Transformasi budaya atau kebangkitan dalam identiti kebangsaan dan tradisi yang mana melihat perubahan dari sudut tradisional menjadi lebih moden dan rasional yang menyebabkan perubahan nilai dan norma dalam masyarakat.

Seterusnya, definisi pembangunan menurut Alexander (1994) lebih kepada suatu proses perubahan yang mencakupi seluruh sistem sosial seperti politik, ekonomi, infrastruktur, pertahanan, pendidikan, teknologi, persekitaran, budaya dan paling utama perubahan saling kait mengait. Definisi Alexander (1994) ini menarik dalam konteks tesis ini kerana ia membuka ruang untuk mendefinisikan proses pembangunan yang mana, keberhasilan proses ini selari dengan keberhasilan Matlamat Pembangunan Lestari ke 11 (SDG-11), khususnya kesalingberkaitan

positif pertumbuhan ekonomi, perubahan sosial, dan alam persekitaran di bandar, pinggir bandar dan luar bandar melalui sistem perancangan ruangan yang mantap. Wilayah bandar adalah entiti geografi dan perancangan yang merangkumi bandar, pinggir bandar, dan luar bandar.

Pembangunan lazimnya dikaitkan dengan suatu arah tuju yang lebih baik. Dalam hal ini, Tikson (2005) dan Friedman et al. (2010) memperkenalkan elemen arah tuju strategik dalam menangani pembangunan yang berkaitan dengan transformasi dalam ekonomi, sosial dan budaya. Pendekatan strategik ini memerlukan kepimpinan, kebijaksanaan dan tumpuan pemikiran untuk melaksanakan objektif pembangunan dan seterusnya menghasilkan keberhasilan yang diharapkan. Malah menurut Friedman et al. (2010), tanpa strategi yang baik, proses pembangunan lazimnya perlakan. Paling penting, menurut Friedman et al. (2010) lagi, pembangunan juga merangkumi perkembangan rohani yang mampu mempengaruhi hubungan manusia dengan persekitaran. Walaupun definisi pembangunan itu pelbagai cakupannya, ia tetap menjelaskan hakikat proses transformasi atau perubahan perlu dilakukan secara sistematik bagi matlamat pembangunan nasional dan setempat dari sudut fizikal dan kerohanian. Ini adalah pertimbangan penting yang mendasari pengisian tesis ini.

Khusus kepada pembangunan di peringkat lokal atau bandaraya dan peranan institusi pendidikan tinggi, Jones (2006) merujuk kepada perkaitan bandaraya berasaskan ilmu dengan pendidikan (ideopolis) dalam tiga peranan utama iaitu: inovasi, hubungan erat bandar dan universiti dan respons kepada ekonomi lokal iaitu faedah rantaian dari aspek kewangan, pengetahuan dan teknologi. Faedah rantaian dari aspek ekonomi seperti peluang pekerjaan serta pertambahan pendapatan dan kepakaran adalah faedah pembangunan yang mudah diukur dan dirumuskan

kesannya. Dari aspek pengetahuan pula, faedah rantaian dilihat melalui inovasi dari bandar ke bandar, yang seterusnya meluas hingga membentuk wilayah-bandar yang tinggi tahap inovasinya. Faedah rantaian dari aspek teknologi pula adalah melalui penyelidikan dan pembangunan (R&D) yang dalam keadaan tertentu boleh dilanjutkan ke peringkat komersialisasi hasil penyelidikan. Untuk menjelaskan lebih lanjut tentang hubungan pembangunan-universiti, Goddard (2009) menyatakan bahawa peranan universiti sivik<sup>2</sup> sewajarnya melangkau ruang kampus dan memberi manfaat kepada masyarakat. Peranan IPT sebagai pemangkin pembangunan masyarakat dan pertumbuhan ekonomi kawasan setempat adalah suatu yang telah banyak dilaporkan dalam konteks perancangan fizikal kawasan. Dalam konteks kajian ini, adakah peranan institusi pendidikan tinggi berteraskan Islam (IPTI) di Malaysia melalui Matlamat Pembangunan Lestari keempat (SDG-4) – Kualiti Pendidikan, melangkau ruang kampus dan seterusnya menyumbang kepada pembangunan wilayah-bandar dalam erti kata memberi manfaat kepada komuniti setempat selaras dengan Matlamat Pembangunan Lestari yang ke-11 iaitu Bandar dan Komuniti Lestari?

Sesuai dengan matlamat ini, boleh dirumuskan IPT konvensional merupakan ejen kepada pembangunan di peringkat kawasan setempat. Oleh yang demikian, Pelan Pendidikan Malaysia (Pendidikan Tinggi) (PPPM-PT) telah mengenalpasti peranan IPT dalam pembangunan. Tetapi, dalam pelan ini impak IPT lebih-lebih lagi IPTI dalam konteks pembangunan wilayah-bandar dari sudut sosio-ekonomi tidak menjurus kepada pencapaian matlamat SDG-11. Malah, jika berpandukan pernyataan Goddard (2009), masyarakat dalam konteks hubungkait universiti dan pembangunan

---

2 Universiti Sivik ialah universiti awam yang berfokus kepada kepentingan awam (Goddard, 2009).

bandar boleh diinterpretasi pada beberapa peringkat geografi, iaitu wilayah-bandar, bandaraya dan bandar. Tetapi, wilayah-bandar adalah entiti geografi yang merentasi beberapa negeri dalam sesebuah negara dan pembangunan kawasan meluas ini yang melibatkan beberapa pihak berkuasa tempatan amat mencabar. Ini memerlukan suatu kajian yang terperinci dari perspektif pendidikan tinggi yang menghasilkan modal insan dan wilayah-bandar sebagai entiti geografi yang menerima keluaran universiti. Wilayah-bandar boleh juga terbentuk antara negara yang berjiran yang tentu sekali berhadapan dengan pelbagai cabaran jika sempadannya poros dari sudut aliran ekonomi dan penduduk. Hujahan di atas adalah pertimbangan mengapa IPTI dipilih sebagai fokus kajian dan sebab mengapa wilayah-bandar dijadikan sebagai kawasan kajian.

Jika diteliti dalam konteks peranan IPT berteraskan Islam (IPTI), hujah-hujah sebelum ini mengundang persoalan yang seterusnya menjadi pencetus kepada kerangka penyelidikan di sebalik kajian yang dilaporkan dalam tesis ini. Dalam Pelan Pendidikan Malaysia (Pendidikan Tinggi) (PPPM-PT), Universiti Penyelidikan dibezakan dengan universiti kategori lain dalam sistem pendidikan Malaysia dari sudut bentuk sumbangan kepada pembangunan negara dan masyarakat. Universiti Penyelidikan memberikan tumpuan kepada bidang penyelidikan, sementara Universiti Komprehensif menawarkan pelbagai kursus dan bidang pengajian, manakala Universiti Berfokus pula memberikan tumpuan kepada bidang khusus berkaitan dengan penubuhannya. Berdasarkan pernyataan ini, sumbangan IPT berteraskan Islam (IPTI) boleh diandaikan berbeza dengan IPT lain dalam sistem pendidikan Malaysia. Hal ini perlu dibuktikan secara empirikal. Dalam usaha untuk membuktikan impak IPTI secara empirikal, apakah kaedah yang lazim diterapkan

untuk menilai universiti konvensional boleh digunakan untuk menilai impak peranan IPTI?

## **1.2 Latar belakang dan konteks kajian**

IPT merupakan enjin yang penting kepada pembangunan ekonomi dan sosial di Malaysia (Junaidi Awang Besar et al., 2014 dan Jabatan Perancangan Bandar dan Desa (JPBD), 2010). Justeru itu, Kerajaan Malaysia mengambil inisiatif untuk memperkasakan sektor pendidikan tinggi bagi menjana pertumbuhan ekonomi negara supaya seiring dengan pelaksanaan Matlamat Pembangunan Lestari 2030 (SDGs) (Kerajaan Malaysia, 2015). Ditambah pula dengan Dasar Pengantarabangsaan Pendidikan Tinggi dan strategi untuk menjadikan Malaysia sebagai Hab Kecemerlangan Pendidikan yang berjaya. Hal ini telah meningkatkan enrolmen pelajar tempatan dan antarabangsa untuk melanjutkan pengajian di negara ini, di samping faktor ekonomi nasional, kestabilan politik dan reputasi serta imej universiti serta sosio-budaya tempatan (Abd Hair Awang et. al, 2012).

Di dalam Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe-11) tumpuan diberikan kepada pembentukan modal insan yang mempunyai pengetahuan, kemahiran, etika dan akhlak yang baik melalui peranan yang dimainkan oleh IPT. Langkah ini penting untuk menambah baik kecekapan pasaran modal insan dan memenuhi kehendak industri yang seterusnya membawa kepada pembangunan wilayah-bandar yang seimbang (Kerajaan Malaysia, 2015). Rancangan Fizikal Negara (RFN) ke- 3 pula ingin mencapai matlamat halatuju strategik iaitu pembangunan bandar dan luar bandar yang dinamik dan seimbang dari sudut pembangunan fizikal yang selari dengan pembangunan sosial. Halatuju ini boleh dicapai dengan membangunkan masyarakat yang mahir dan berpengetahuan, mewujudkan pusat penyelidikan dan

inovasi dan memperkuatkan kemudahan latihan vokasional dan perindustrian (Jabatan Perancangan Bandar dan Desa (JPBD), 2010). Selaras dengan hasrat nasional, lonjakan pertama di dalam Pelan Pendidikan Malaysia (Pendidikan Tinggi) (PPPM-PT) adalah untuk melahirkan ‘Graduan Holistik, Berciri Keusahawanan dan Seimbang’ yang membawa kepada kelestarian pembangunan wilayah-bandar.

Umumnya, pembangunan wilayah-bandar yang lestari merangkumi kesaksamaan dari aspek sosio-ekonomi, pendidikan, pembangunan *Spiritual*, infrastruktur, kesihatan dan perumahan di kawasan bandar dan luar bandar yang membentuk wilayah-bandar ini (Tikson, 2005, Fatimah Yusof et. al, 2008 dan Nor Sahida Mohamad dan Sanep Ahmad, 2013). Sehubungan itu, wilayah-bandar dianggap sebagai satu tempat yang dinamik dan berdaya maju untuk menetap, bekerja, melabur, menjalankan perniagaan dan beriadah dalam persekitaran yang sejahtera (JPBD, 2010).

Berdasarkan kepada pengalaman di negara maju yang telah berjaya mewujudkan bandar-universiti seperti Oxford, Cambridge dan lain-lain, matlamat seperti di atas diandaikan boleh dicapai jika IPT berada di dalam wilayah-bandar. Berdasarkan andaian seperti ini, kerajaan telah membangunkan IPT awam di semua negeri di Malaysia dengan harapan institusi ini dapat bertindak sebagai pemangkin kepada pembangunan kawasan. Persoalannya, adakah IPT di Malaysia telah melahirkan komuniti berpendidikan yang membawa kepada pola pembangunan wilayah-bandar yang seimbang seiring dengan dasar yang dibentuk perlu dijawab? Adakah graduan yang dilahirkan oleh IPTI khususnya memiliki kemahiran yang pelbagai boleh memacu pembangunan wilayah-bandar yang lestari?

Penelitian terhadap dokumen dan laporan rasmi kerajaan menunjukkan modal insan yang seimbang dalam konteks RMKe-11 dan RFN ke-3 memerlukan keselarasan dari sudut memakmurkan rakyat serta kawasan. RMKe-11 menekankan penghasilan modal insan yang berpengetahuan dan nilai kerohanian yang baik manakala RFN ke-3 menterjemahkan matlamat ini kepada penghasilan modal insan yang berkemahiran dan berpengetahuan tinggi di kawasan-kawasan tertentu. Dalam matlamat seperti ini, IPTI boleh dianggap sebagai pemangkin berperanan dalam pembangunan wilayah-bandar yang holistik dan seimbang menerusi sumbangan komuniti IPTI kepada pembangunan insan dan sosio-ekonomi wilayah-bandar. Justeru itu, dalam konteks kajian ini, penyelidik mengandaikan IPTI sebagai institusi yang mampu melahirkan insan yang holistik dan seimbang<sup>3</sup> yang bakal merencanakan kelestarian pembangunan wilayah-bandar di Malaysia.

### **1.3 Isu dan persoalan kajian**

Sebelum PPPM-PT, Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara (PSPTN) Melangkau Tahun 2020 telah menjelaskan misi mentransformasikan Malaysia menjadi sebuah negara maju dan berdaya saing di peringkat antarabangsa (Kementerian Pendidikan Tinggi, 2017). Terdapat tujuh teras dalam PSPTN untuk memastikan struktur, sistem dan strategi pendidikan tinggi kukuh, mantap dan berkesan. Salah satunya adalah Teras Keempat iaitu Memperkasa Institusi Pendidikan Tinggi (IPT) (Kementerian Pendidikan Tinggi, 2007). Teras Keempat menyasarkan agar IPT Awam dan Swasta berperanan dalam melahirkan ahli

---

3 Holistik adalah sifat-sifat yang menyeluruh seperti intelek, rohani, emosi dan fizikal. Seimbang pula adalah dari segi akhlak, kemahiran dan ilmu pengetahuan yang mampu memberikan sumbangan kepada masyarakat, negara dan peringkat antarabangsa.

akademik dan pelajar yang terbaik serta mampu menyumbang kepada kemajuan komuniti setempat, negara dan sejagat (Kementerian Pendidikan Tinggi, 2007).

Selain itu, pada tahun 2006, KPT telah menghasilkan Modul pembangunan Kemahiran Insaniah- KI (soft skills) untuk memperkasakan kebolehpasaran graduan IPT di Malaysia. Terdapat tujuh elemen KI telah digarap oleh KPT iaitu kemahiran berkomunikasi, kemahiran berfikir dan menyelesaikan masalah, kemahiran kerja berpasukan, kemahiran pembelajaran berterusan dan pengurusan maklumat, kemahiran kepimpinan, kemahiran etika, moral dan profesional serta kemahiran penggunaan teknologi (Kementerian Pendidikan Tinggi, 2006). KI ini sangat diperlukan untuk memudahkan graduan memperoleh peluang pekerjaan dan cemerlang dalam aspek kehidupan (Yazilmiwati Yaacob dan Rozaini Ahmad, 2019). Ini menunjukkan bahawa sejak 2006, KPT sudah memikirkan peri pentingnya perkara-perkara berkaitan moral dan etika dalam mengimbangi kemahiran dan kompetensi berkaitan bidang perkerjaan dalam kalangan siswazah.

Di Malaysia, terdapat tiga kategori IPTA iaitu universiti penyelidikan, universiti komprehensif dan universiti berfokus bagi tujuan melahirkan modal insan dan membangunkan negara. Manakala tiada kategori yang ditetapkan oleh KPT kepada IPT Swasta (IPTS). Faktor kemunculan IPT swasta pula adalah bagi melengkapi keperluan pendidikan tinggi yang sedia ada (Kementerian Pendidikan Tinggi, 2017). Situasi ini menunjukkan bahawa kategori IPT di Malaysia tidak mengikut agama ataupun perkauman, sebaliknya hanya memenuhi matlamat kemajuan sistem pendidikan tinggi negara sahaja (Kerajaan Malaysia, 2015). Namun demikian, adakah modal insan yang dilahirkan oleh IPTA dan PTS di Malaysia cemerlang dalam akademik dan memiliki Kemahiran Insaniah - KI untuk memenuhi kehendak globalisasi dan pembangunan wilayah-bandar yang seimbang? Dalam hal

ini, lebih tepat, apakah ada perbezaan dalam peranan IPTA berteraskan Islam dan IPTS berteraskan Islam dalam membentuk modal insan sesuai untuk pembangunan di peringkat wilayah-bandar?

RMKe-11 (2016-2020) telah dirangka untuk mencapai matlamat pembangunan wilayah-bandar yang seimbang dan memperkasakan modal insan yang mempunyai pengetahuan yang mantap dan memiliki kemahiran yang pelbagai (Kerajaan Malaysia, 2018). Hal ini menunjukkan bahawa, Malaysia komited untuk melahirkan modal insan yang mampu memenuhi kehendak pasaran lokal dan global. Sehubungan ini, IPT diandaikan memainkan peranan yang penting untuk melahirkan graduan yang memiliki ilmu pengetahuan dan kemahiran insaniah (Pua Poh Keong, 2014). Kebolehpasaran graduan bukan sahaja diukur melalui kecemerlangan akademik (Intelligence Quotient-IQ) sahaja, malah harus memiliki nilai emosi (Emotional Quotient-EQ) dan nilai *Spiritual* (Spiritual Quotient-SQ) untuk memenuhi permintaan tenaga kerja di peringkat global dan lokal. Yazilmiwati Yaacob dan Rozaini Ahmad (2019) berpandangan graduan yang memiliki EQ, IQ dan SQ memudahkan mereka untuk memperoleh peluang pekerjaan seterusnya membawa kepada pembangunan ekonomi berasaskan pengetahuan wilayah-bandar di Malaysia. Tetapi menurut Ahmad Rizal Madar et al., (2008) graduan yang dihasilkan oleh IPT di Malaysia tidak memenuhi kehendak industri masa kini, yang mana inginkan pekerja yang mempunyai kemahiran teknikal dan kemahiran insaniah. Kepelbagaiannya kemahiran dalam kalangan graduan adalah penting untuk memperoleh pekerja yang boleh menyesuaikan diri dengan semua jenis tugas yang diberikan. Dalam semua persoalan yang dikemukakan sebelum ini berkaitan IPTI, apakah kerangka pendekatan, metodologi dan kaedah kajian yang boleh digunakan untuk mengkaji keberhasilan IPTI kepada pembangunan wilayah-bandar? Apakah kualiti

pendidikan IPTI boleh menghasilkan modal insan yang holistik dan seimbang yang membawa kepada kelestarian pembangunan wilayah-bandar seperti yang digarapkan Kerajaan dan masyarakat? Kajian ini memilih untuk mengkaji peranan IPTI dalam pembangunan wilayah-bandar dengan mengadaptasikan beberapa perspektif tentang peranan IPT dalam masyarakat (Russo et al. 2007; Wan Chang Da et. al, 2015) yang mirip juga kepada peranan IPT dari perspektif Islam (Muhammad M. Said et al., 2014, Ruzman Md Noor, 2014, Muborakshoeva, 2013) seperti berikut:

1. Model IPT dan pembangunan wilayah-bandar dari perspektif ruangan.
2. Perspektif huraihan hubungan universiti dan masyarakat seperti huraihan *Sober*, *Kreatif*, *Purist* dan *Sosial* yang ada unsur ruangan, bukan ruangan dan terkandung di dalamnya secara tidak langsung unsur-unsur yang mirip kepada pendekatan Islam dalam pembangunan masyarakat;
3. ***Sober***: IPT dianggap sebagai perniagaan yang berasaskan pengetahuan yang tiada banyak perbezaan dengan perniagaan berasaskan pengetahuan yang lain. Di IPT, bilangan dan kepelbagaian kepakaran lebih besar berbanding institusi yang berasaskan pengetahuan yang lain.
4. ***Kreatif***: IPT berperanan dalam memupuk dan mengoptimumkan potensi individu dan kumpulan yang kreatif seterusnya memupuk persekitaran yang kreatif kepada masyarakat. Namun demikian, limitasi sumber, masa dan ruang dalam penyelidikan merupakan satu kekangan yang sukar untuk dielakkan. Justeru itu, IPT perlu melaksanakan kolaborasi serantau supaya dapat mengoptimumkan penyelidikan dan pembangunan yang kreatif dan inovatif.

5. **Purist:** IPT dianggap sebagai sebuah institusi yang mempunyai pendirian yang teguh tanpa goyah walaupun wujud pengaruh sosial, politik dan ekonomi yang kuat supaya IPT dapat mengoptimumkan potensi inovasi dalam institusi berkenaan. Walaupun proses penyelidikan dan pengajaran boleh dijalankan luar daripada “dunia nyata”, namun ia perlu membawa manfaat dan dikongsikan kepada masyarakat dalam jangka masa yang panjang.
6. **Sosial:** IPT berperanan dalam meluaskan akses ilmu kepada masyarakat. IPT juga berperanan dalam memastikan perkembangan dan mengenalpasti masalah masyarakat seterusnya menawarkan penyelesaian kepada kebimbangan masyarakat. IPT juga terlibat dengan hubungan wilayah serantau untuk memperoleh respon dan keperluan bagi menambahbaik peranan IPT.

Model berteraskan pertimbangan kelestarian dalam menghuraikan hubungan IPT dan wilayah-bandar tidak menghuraikan secara jelas peranan aspek kerohanian, begitu juga keadaannya dengan huraian tentang peranan IPT dengan komuniti dari perspektif *Sober*, *Purist*, *Sosial*, *Kreatif*. Selain itu, kajian sebelum ini berfokus kepada peranan IPT dalam pembangunan wilayah-bandar tidak menekankan peranan perbezaan ideologi atau falsafah penubuhan sesebuah IPT sebagai faktor pengaruh dalam hubungan universiti-komuniti. Seperti yang dijelaskan Ransom (2015), Holley dan Harris (2016) dan Peer dan Pflitsch (2017), pendekatan kajian tentang peranan universiti dalam masyarakat sebelum ini mengambilkira pengaruh ideologi, khususnya ideologi barat dalam menghuraikan hubungan universiti-komuniti dalam pembangunan. Pendekatan seperti ini terbukti dalam *Future of cities: universities and cities, The role of higher education institutions in regional transition paths*

*towards sustainability dan Universities as Anchor Institutions: Economic and Social Potential for Urban Development.*

Hanya segelintir penulis sahaja yang mengkaji peranan IPT dengan berfokus kepada latar belakang penubuhan IPT yang berbeza dari pandangan atau perspektif tradisi keilmuan barat. Antaranya adalah *Higher Education and Belief Systems in the Asia Pacific Region, The Importance of Buddhist Education System* dan *Theocracy: Christian Universities and Muslim Students* (Jun dan Collins, 2019; Manoj, 2019 dan Chenoweth, 2009). Justeru itu, kajian ini adalah kesinambungan kepada pemikiran yang menerokai tradisi keilmuan selain dari barat, seterusnya meneroka peranan institusi pendidikan tinggi berteraskan Islam (IPTI) sebagai ejen yang mempengaruhi pembangunan wilayah-bandar yang holistik dan seimbang.

Menelusuri kepimpinan lepas, kemunculan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (IIUM) lahir daripada idea Tun Dr. Mahathir Mohamad pada Januari 1982. Idea untuk menubuhkan UIAM telah dikemukakan oleh beliau dalam Persidangan Antarabangsa Pertama Pendidikan Islam di Makkah pada tahun 1977. Tujuan penubuhan universiti tersebut adalah untuk menghidupkan kembali konsep pembelajaran secara Islam (IIUM, 2017). Semasa Datuk Seri Anwar Ibrahim menyandang jawatan sebagai Menteri Pendidikan, beliau merumuskan Falsafah Pendidikan Negara yang berorientasikan “keinsanan” bagi melahirkan insan yang seimbang dari sudut intelek, rohani, emosi dan jasmani berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan (Siddiq Fadzil, 2016). Falsafah Pendidikan Negara juga berpandukan kepada nilai-nilai mulia, memupuk persefahaman dan membina keperibadian para pelajar IPT di Malaysia (Abdul Monir Yaacob, 2005).

Percambahan IPTI di Malaysia telah membuka peluang kepada pelajar Muslim untuk melanjutkan pengajian ke peringkat yang lebih tinggi khususnya kepada pelajar lepasan madrasah dan sekolah menengah agama. Hal ini disokong oleh Abdul Shukor Hj. Husin dan Mohammad Haji Alias (2008) yang menyatakan bahawa kewujudan IPTI telah membuka peluang kepada pelajar dari sekolah aliran agama untuk melanjutkan pengajian di peringkat lebih tinggi dari pelbagai aliran. Sebelum ini, pelajar tempatan yang pengkhususan dalam bidang keagamaan hanya berpeluang melanjutkan pelajaran di universiti Islam di Timur Tengah, universiti Barat atau IPT konvesional tempatan. Kini, pelajar Muslim tempatan boleh melanjutkan pengajian di IPTI yang mengintegrasikan ilmu moden dan ilmu Islam dengan kemudahan yang lengkap serta suasana yang baik mengikut ruh Islam (biah solehah).

IPTI di Malaysia memainkan peranan sebagai “kilang” yang boleh menghasilkan modal insan yang berkemahiran dan berakhlak (Ajmain@Jimaain Safar et al., 2014). Jika IPTI hanya berfokus untuk memenuhi kehendak pasaran, dibimbangi akan melahirkan modal insan yang lemah dari aspek akhlak dan adab. Kajian juga menunjukkan bahawa kebolehpasaran pelajar IPTI adalah tinggi dan bertindak sebagai pemangkin pembangunan sosial dan ekonomi Malaysia kerana berfokus kepada integrasi ilmu Aqli dan Naqli<sup>4</sup> (Ruzman Md Noor et. al, 2014).

IPTI berpandukan kepada pendidikan dalam konteks Islam iaitu pendidikan harus mencapai dua tujuan asas iaitu yang pertama, membawa manusia mengenal dan menyembah Allah swt dengan sempurna dan kedua ialah pendidikan harus mendorong manusia memahami alam dan menggunakannya dengan cekap dan

---

4 Ilmu Naqli merupakan ilmu yang berteraskan al-Quran dan sunnah manakala ilmu Aqli pula diperoleh daripada akal dan fikiran manusia (Nurkhaimi Zainuddin, Rozhan M. Idrus dan Ahmad Farid Mohd Jamal, 2016).

mematuhi batas-batas yang ditentukan Allah swt (Abdul Monir Yaacob, 2005). Namun demikian, apakah peranan IPTI dalam melahirkan modal insan yang seimbang dan holistik? Sejauhmana peranan IPTI ini mampu melahirkan modal insan yang holistik dan seimbang untuk memacu pembangunan wilayah-bandar di Malaysia?

Oleh yang demikian, bertitik tolak dari huraian yang tersebut di atas, apakah peranan IPTI dalam merealisasikan SDG-4 dan SDG-11 di peringkat sebuah wilayah-bandar di Malaysia? Adakah penubuhan IPTI telah mencapai matlamat untuk menghasilkan komuniti yang lestari, holistik dan seimbang di peringkat wilayah-bandar? Persoalan kajian yang dapat dirumuskan daripada isu dan pemasalahan kajian ini adalah seperti berikut:

1. Sejauhmanakah peranan IPTI boleh membentuk pembangunan wilayah-bandar yang holistik dan seimbang berdasarkan perspektif peranan universiti dalam masyarakat ?
2. Apakah peranan IPTI dalam mempengaruhi pembangunan wilayah-bandar dalam konteks antara muka pendidikan tinggi dengan geografi?
3. Adakah berkemungkinan untuk menambahbaik kerangka konseptual yang menjelaskan peranan IPTI yang membawa kepada pembangunan wilayah-bandar yang holistik dan seimbang di Malaysia?

## **1.4 Objektif kajian**

Berpandukan kepada isu dan permasalahan kajian yang telah dikenalpasti, kajian ini mempunyai tiga objektif utama bagi menghuraikan peranan institusi pendidikan tinggi berteraskan Islam (IPTI) dalam pembangunan wilayah-bandar di Malaysia. Objektif kajian ini adalah seperti berikut:

1. Mendokumentasi pandangan tentang peranan IPTI di Malaysia melalui perspektif huraian *Sober*, Sosial, Kreatif dan *Purist* dalam konteks antara muka IPT dan pembangunan wilayah-bandar.
2. Mengkaji persepsi pihak pengurusan tertinggi, ahli akademik dan pelajar tentang peranan dan pengaruh IPTI terhadap pembangunan wilayah-bandar yang holistik dan seimbang di Malaysia.
3. Berdasarkan (1) dan (2) di atas, mengutarakan satu kerangka konseptual tentang peranan IPTI terhadap pembangunan wilayah-bandar di Malaysia.

Objektif pertama kajian ini adalah menilai empat perspektif dari sudut pandangan barat yang mana melihat peranan IPT dalam konteks pembangunan komuniti sebagai *Sober*, Sosial, Kreatif dan *Purist*<sup>5</sup>. Keempat-empat perspektif tersebut akan diadaptasikan dalam kajian ini dan akan dinilai semula bagi merumuskan peranan IPT berteraskan Islam (IPTI). Melalui pelaksanaan objektif ini kajian akan merumuskan kesesuaian empat perspektif berkaitan hubungan IPT dengan komuniti sebagai kaedah untuk menilai peranan IPTI di Malaysia dengan komunitinya.

---

<sup>5</sup> Penerangan lanjut mengenai *Sober*, *Purist*, Sosial and Kreatif akan dijelaskan dalam bab 3 tesis ini.

Objektif kedua pula adalah bertujuan untuk merumuskan persepsi pihak pengurusan tertinggi, ahli akademik dan pelajar pra siswazah mengenai peranan IPTI yang memacu pembangunan wilayah-bandar yang holistik dan seimbang di Malaysia. Objektif ini juga akan menghuraikan bagaimana dan sejauhmana peranan IPTI yang menerapkan amalan berunsurkan Islam (seperti Naqli dan Aqli) dalam aspek sumber kewangan, kurikulum, pembelajaran dan pengajaran (P&P), penyelidikan dan pembangunan (P&P), libatsama komuniti, hubungan interpersonal dan peranan masjid yang membawa kepada pembangunan wilayah-bandar yang holistik dan seimbang.

Objektif ketiga bertujuan untuk mengutarakan kerangka konseptual untuk mengungkap peranan IPTI dalam konteks kelestarian pembangunan wilayah-bandar di Malaysia yang mengambilkira aspek ruangan dan bukan ruangan dari perspektif Islam. Penyelidik mengandaikan IPTI berperanan dalam pembangunan wilayah-bandar, tetapi untuk membuktikan perkara ini dengan jelas, kerangka konseptual dan model yang sesuai perlu diketengahkan. Kerangka konseptual ini boleh dijadikan titik tolak kajian tentang peranan IPTI dalam sistem pendidikan tinggi Malaysia di masa akan datang.

## **1.5 Signifikan kajian**

Institusi pendidikan tinggi berteraskan Islam (IPTI) telah ditubuhkan di Semenanjung Malaysia untuk tujuan membangunkan kedudukan sosio-ekonomi kawasan setempat sekaligus melahirkan graduan yang akan menyebarkan integrasi dua ilmu yang diperoleh (Institut Kefahaman Islam Malaysia, 2005 dan Ruzman Md Noor, 2014). Impak kajian ini dilihat amat penting dari sudut geografinya yang mana pertumbuhan IPTI di sesebuah kawasan tersebut dijangka akan membawa kepada

pemindahan ilmu dari pelbagai sudut, sama ada melalui libatsama komuniti, penyelidikan dan pembangunan (R&D) dan peranan masjid yang mampu membentuk pembangunan wilayah-bandar yang holistik dan seimbang selas dengan SDG-4 dan SDG-11. Hal ini kerana, IPTI mendokong falsafah pendidikan yang menerapkan nilai-nilai Islam dalam segala aspek dan penyelidik menjangkakan peranan IPTI akan membawa kelainan dan keistimewaan kepada pembangunan wilayah-bandar tersebut. Secara hujahan logiknya, perletakan dan kedudukan institusi-institusi Islam dilihat sebagai membawa kepada pembangunan wilayah-bandar yang seimbang di Malaysia (Aidil Adha Sulaiman, 2015). Malah IPTI boleh diandaikan sebagai amat penting dalam pembangunan kawasan jika dilihat dalam konteks SDG-4 dan SDG-11. Adalah diharapkan kerangka konseptual hasil kajian ini boleh merintis usaha untuk memperbanyakkan bukti empirikal bagi menyokong andaian seperti di atas.

## **1.6 Skop dan batasan kajian**

Rumusan statistik institusi pendidikan tinggi (IPT) menunjukkan pertumbuhan institusi pendidikan tinggi awam (IPTA) dan institusi pendidikan tinggi swasta (IPTS) yang pesat di Malaysia. Sehingga akhir Disember 2019, sejumlah 20 buah Universiti Awam dan tidak kurang dari 500 IPTS yang aktif dan berdaftar dengan Jabatan Pendidikan Tinggi (JPT). IPTI, selain universiti awam, adalah dibawah tajaan/pentadbiran Majlis Agama Negeri/Kerajaan Negeri. Tiada kategori yang dikelaskan oleh KPT terhadap IPTI di Malaysia<sup>6</sup>.

---

<sup>6</sup> Kategori institusi pendidikan tinggi Islam (IPTI) ini tiada kategori dalam Kementerian Pendidikan Tinggi Malaysia. Bagi tujuan kajian ini, penyelidik telah mengkategorikan IPTI berdasarkan Falsafah Pendidikan yang didokong oleh IPTI yang menerapkan ilmu Islam. Penerangan lebih lanjut akan dibincangkan dalam bab 2 tesis ini.

Kajian ini telah memilih empat buah IPTI sebagai sampel berdasarkan pertumbuhan IPTI yang pesat berada di konurbasi wilayah-bandar yang mengarah ke selatan seperti yang terdapat dalam Jadual 1.1. Dalam kajian ini, penyelidik mengklasifikasi IPTI berdasarkan falsafah pendidikan yang didokong oleh IPTI tersebut, yakni menekankan nilai-nilai Islam dalam mengerakkan IPTI tersebut IPT yang ditubuhkan Majlis Agama negeri sudah pastinya mendokong nilai dan pendekatan pendidikan Islam. Kajian ini akan meneliti peranan IPTI terhadap aspek sosio-budaya, sosio-ekonomi dan sosio-ekologi yang mempengaruhi pembangunan wilayah-bandar yang holistik dan seimbang. IPTI terpilih untuk kajian secara mendalam ini adalah seperti berikut:

Jadual 1.1: Senarai IPT berteraskan Islam (IPTI) mengikut hierarki bandar

<b>IPT berteraskan Islam (IPTI)</b>	<b>Latar Belakang</b>	<b>Hierarki Bandar</b>
Universiti Sains Islam (UISM), Nilai	Melahirkan Da'i (Pendakwah), Ulama (Pemimpin Agama) dan Umara' (Pemimpin berlandaskan integrasi ilmu Aqli dan Naqli	Konurbasi <sup>7</sup> Pertumbuhan Negara
Universiti Islam Antarabangsa (UIAM), Gombak	Mengadaptasikan konsep integrasi, islamisasi, pengantarabangsaan dan kecemerlangan komprehensif bagi melahirkan pelajar yang holistik	Konurbasi Pertumbuhan Negara
Kolej Universiti Islam Selangor (KUIS), Kajang	Mengadaptasikan kombinasi integrasi Aqli dan Naqli bagi melahirkan generasi yang mulia dan berilmu	Konurbasi Pertumbuhan Negara
Kolej Universiti Islam Melaka (KUIM), Alor Gajah	Melahirkan generasi Muslim yang berilmu dan bertaqwa dalam menyebarkan ajaran Islam berpaksikan Al-Quran dan As-sunnah	Konurbasi Pertumbuhan Separa Wilayah

Sumber: Kementerian Pendidikan Tinggi, 2016

---

<sup>7</sup> Konurbasi (*Conurbation*) didefinisikan oleh Jabatan Perancangan Bandar dan Desa (JPBD), (2009) di dalam Dasar Perbandaran Negara (DPN). Keterangan lanjut akan dijelaskan di dalam bab 3 tesis ini.

Pihak pengurusan tertinggi, ahli akademik dan pelajar prasiswazah telah dipilih sebagai responden kajian bagi menjelaskan peranan institusi pendidikan tinggi berteraskan Islam (IPTI) yang terpilih dalam pembangunan wilayah-bandar dari pelbagai sudut. Pelajar prasiswazah yang terlibat adalah dari program Asasi, Diploma dan Ijazah Sarjana Muda sahaja. Responden pelajar terbatas kepada pelajar prasiswazah berbanding pelajar pascasiswazah. Hal ini kerana, pelajar prasiswazah berada dalam tempoh yang lama di dalam IPTI dan terlibat dengan aktiviti akademik dan bukan akademik sepanjang tempoh semester pengajian. Selain itu, di peringkat Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT), penyelidik hanya menemubual responden daripada beberapa bahagian yang berkaitan secara langsung sahaja bagi memperoleh maklumat mengenai senario semasa institusi pendidikan tinggi (IPT) di Malaysia.

### **1.7      Kaedah kajian dan analisis data**

Secara keseluruhan, kajian yang bersifat kualitatif dan pelbagai kajian kes ini mengumpul data serta maklumat primer dan sekunder berkaitan IPTI yang dikaji khususnya perkara yang berkaitan pengisian pembangunan wilayah-bandar dari sudut antara muka (interface) bidang geografi dengan pendidikan tinggi. Penerokaan data dan maklumat kajian serta kaedah kajian ini akan dijelaskan dalam Jadual 1.2.

Jadual 1.2: Pendekatan dan kaedah kajian

Pendekatan	Kaedah kajian - Instrumen	Responden	Analisis maklumat dan data kualitatif
Kualitatif, penerokaan dan interpretasi	Temu bual kumpulan berfokus (FGD) Temu bual separa berstruktur Pemerhatian kawasan sekitaran IPTI	Pelajar IPTI (Pengurusan tertinggi, pengurusan pertengahan, akademik dan individu yang terpilih) Pegawai agensi kerajaan berkaitan (Kementerian Pendidikan Tinggi, Jabatan Perancangan Bandar dan Desa (JPBD))	Merujuk kepada dokumen rasmi seperti laporan; deskripsi naratif dan interpretasi maklumat

## 1.8 Organisasi kajian

Tesis ini mengandungi tujuh bab. Bab satu merupakan pengenalan kajian, bab dua memerihalkan mengenai sorotan karya, metodologi kajian dijelaskan dalam bab tiga, seterusnya bab empat dan lima membentangkan analisis data, bab enam menjelaskan mengenai penemuan kajian dan kerangka konseptual, dan bahagian terakhir iaitu bab tujuh pula merumuskan penemuan utama kajian, implikasinya dan cadangan penyelidikan pada masa hadapan.

Bab pertama akan menjelaskan mengenai latar belakang kajian ini dengan jelas. Kepentingan kajian, objektif kajian, justifikasi kajian, signifikan kajian, batasan kajian dan persoalan kajian diperincikan dengan jelas bagi melancarkan proses penulisan kajian ini. Bab kedua akan menelusuri dan menilai kajian lepas mengenai peranan institusi pendidikan tinggi (IPT) di beberapa negara terpilih bagi menggambarkan peranan IPT dalam pembangunan negara pendidikan tinggi dalam era globalisasi. Selain itu, model barat juga digarap bagi memperoleh ketepatan

dalam membuat analisis mengenai hubungkait di antara IPT berteraskan Islam (IPTI) dengan pembangunan wilayah-bandar.

Bab ketiga pula akan menerangkan dengan terperinci mengenai penerokaan data dan pengumpulan maklumat serta kaedah yang diadaptasikan dalam menganalisis data tersebut. Ia juga akan memperincikan mengenai skop kajian, strategi kajian, persampelan, responden kajian, kajian rintis dan kaedah menganalisis data. Penyelidik juga akan menjelaskan mengenai justifikasi kaedah kajian yang mana tidak memilih untuk menggunakan kaedah penyelidikan Islam, sebaliknya memilih untuk menggunakan kaedah penyelidikan barat dalam kajian yang berkaitan dengan institusi pendidikan tinggi berteraskan Islam (IPTI). Penyelidik juga menjelaskan mengenai unit analisis kajian yang telah dipilih iaitu IPTI yang terletak di wilayah-bandar Kajang, Selangor, Gombak, Kuala Lumpur, Kuantan, Pahang, Nilai, Negeri Sembilan dan Alor Gajah, Melaka.

Bab empat dan lima akan menganalisis maklumat yang telah diperoleh sama ada melalui data primer atau sekunder melalui temu bual separa berstruktur dengan pihak Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT), pengurusan IPTI, ahli akademik IPTI dan temu bual kumpulan berfokus (FGD) dengan pelajar prasiswazah IPTI. Data dianalisis menggunakan kaedah analisis dokumen, dan deskripsi naratif dan interpretasi. Penyelidik ingin mengupas hasil penemuan mengenai peranan IPTI yang membawa kepada pembangunan wilayah-bandar. Analisis juga bertujuan untuk menjelaskan persepsi pihak pengurusan IPTI, ahli akademik dan pelajar prasiswazah terhadap sumber kewangan, kurikulum, penyelidikan dan pembangunan (R&D), pengajaran dan pembelajaran (P&P), libatsama komuniti, hubungan interpersonal dan peranan masjid ke atas pembangunan wilayah-bandar.

Bab enam pula bertujuan untuk mengimbas semula dapatan kajian dan menambahbaik kerangka konseptual. Melalui andaian tersebut adakah peranan IPTI ini melengkapi atau menunggak arus dalam perkara-perkara yang mempengaruhi pembangunan wilayah-bandar di Malaysia? Sinergi perlu diperkuatkan di antara IPTI dengan pembangunan wilayah-bandar yang membawa kepada kesejahteraan negara. Di dalam bab tujuh, penyelidik menghuraikan implikasi, cadangan dan penambahbaikan untuk dikemukakan kepada pihak berwajib dengan tujuan memperkembangkan lagi kajian ini pada masa akan datang.

### **1.9 Kesimpulan**

IPTI mempunyai falsafah pendidikan tersendiri yang berperanan dalam pembangunan ekonomi, sosial dan politik dalam wilayah-bandar (Abdullah Sanusi Ahmad, 1995; Hamidah Ab Rahman et al., 2009 dan Kamaruzaman Ampon, 2010). Namun demikian, kajian mengenai peranan IPTI dalam pembangunan wilayah-bandar selaras dengan SDG-11 dan antara muka geografi dengan pendidikan tinggi merupakan pendekatan yang baru dari sudut pengembangan teori serta amalan dasar dalam bidang geografi. Dalam konteks kajian ini, penyelidik ingin menjelaskan bahawa pembangunan wilayah-bandar tidak berfokus kepada pembangunan fizikal semata-mata. Akan tetapi pembangunan *Spiritual* juga memainkan peranan yang penting dalam membentuk pembangunan wilayah-bandar yang holistik dan seimbang. Penyelidik juga menjangkakan bahawa IPTI memainkan peranan yang penting dalam melahirkan insan yang holistik dan seimbang dan seterusnya membawa kepada penyebaran dan pemindahan ilmu dan amalan baik ke dalam proses pembangunan wilayah-bandar.

Justeru itu, kajian ini akan meneroka mengenai peranan IPTI sama ada melengkapi atau menunggakarus pembangunan wilayah-bandar di Malaysia. Bagi membuktikan peranan IPTI yang membawa kepada pembangunan wilayah-bandar yang holistik dan seimbang ataupun sebaliknya. Peranan IPTI dinilai berdasarkan sumber kewangan, kurikulum, pengajaran dan pembelajaran (P&P), penyelidikan dan pembangunan (R&D), hubungan interpersonal, libatsama komuniti dan peranan masjid. Kajian ini amat penting untuk dilaksanakan kerana pembentukan IPT dan graduan yang hebat akan menghasilkan kreativiti, persekitaran yang inovatif dan persekitaran berinspirasi selaras dengan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 (PPPM-PT) (Kerajaan Malaysia, 2015).